

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**
[TUMPAT]

TARIKH : **16 MEI 2016**

SOALAN : **Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]**
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan apakah hasil utama The 5th
Extraordinary OIC Summit on Palestine &
Al Qudd Al Sharif di Jakarta pada Mac
2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Sebagai negara yang lantang memperjuangkan hak-hak rakyat Palestin di persada antarabangsa, Malaysia menyokong penuh penganjuran *the 5th Extraordinary OIC Summit on Palestine & Al Quds Al Sharif*, yang telah diadakan di Jakarta, Indonesia pada 6 dan 7 Mac 2016. Malahan, Malaysia adalah antara negara terawal yang menyatakan sokongan ke atas penganjuran Sidang Kemuncak Tergempar tersebut.

3. Hasil daripada Sidang Kemuncak Tergempar ini, negara-negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) telah menerima-pakai Resolusi dan Deklarasi Jakarta mengenai Palestin dan Al-Quds Al-Sharif yang mengandungi Pelan Tindakan, antara lainnya seperti berikut:

- (i) menggesa Majlis Keselamatan PBB menangani isu penempatan haram (*illegal settlements*) di Palestin dan meminta negara-negara anggota OIC di Majlis Keselamatan PBB untuk meneruskan usaha mereka;
- (ii) menyokong usaha supaya satu persidangan antarabangsa diadakan untuk memacu usaha komuniti antarabangsa mencapai objektif penyelesaian dua negara (*two-state solution*) dengan rangka kerja yang jelas berdasarkan terma-terma yang telah dipersetujui dalam perjanjian-perjanjian damai terdahulu; dan

- (iii) menggesa agar bantuan kewangan dan pembangunan bina upaya terus dihulurkan oleh negara-negara anggota dan bukan anggota OIC, dan badan-badan antarabangsa lain bagi mengukuhkan institusi kerajaan Palestin.

4. Pandangan Malaysia supaya isu ini dapat ditangani dengan serius dan berkesan telah diambil kira dalam penyediaan dokumen-dokumen hasil tersebut. Antara lain, Malaysia mengulangi gesaan supaya PBB menyediakan perlindungan antarabangsa (*international protection*) kepada rakyat Palestin, selaras dengan undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Malaysia juga menegaskan pendiriannya supaya masyarakat antarabangsa meningkatkan tekanan ke atas rejim Israel melalui saluran perundangan, diplomatik dan ekonomi supaya penempatan haram dapat dihentikan serta-merta. Di samping itu, komuniti antarabangsa digesa untuk terus menyampaikan bantuan kepada Kerajaan Palestin bagi mempertingkatkan tahap sosio-ekonomi dan kesejahteraan rakyat Palestin.

5. Melalui penganjuran Sidang Kemuncak Tergempar OIC tersebut, OIC telah berjaya mengetengahkan permasalahan yang dialami oleh Palestin dan rakyatnya serta merangka Pelan Tindakan untuk membantu rakyat Palestin. Penyertaan dan peranan aktif Malaysia semasa Sidang Kemuncak Tergempar ini membuktikan keprihatinan Kerajaan Malaysia terhadap kesengsaraan yang ditanggung oleh rakyat Palestin, yang merupakan kesinambungan usaha-usaha bagi mempertahankan dan melindungi wilayah Palestin, termasuk Al-Quds Al-Sharif daripada rejim Israel.

Sekian, terima kasih.